

DATE: 7/12/2009

Manja
Ismail



manja@nstp.com.my

Di sebalik larangan hadiri kursus BTN

BH-7/12/09

Agenda terbaru DAP, PKR cabar kontrak sosial seperti termaktub dalam Perlembagaan Negara

TINDAKAN kerajaan Selangor dan Pulau Pinang melarang kakitangan kerajaan negeri masing-masing menghadiri kursus anjuran Biro Tata Negara (BN) baru-baru ini, dengan alasan kononnya ia bermotifkan politik dan menanamkan semangat perkauman, adalah cubaan terbaru DAP menerusi sekutunya, Parti Keadilan Rakyat (PKR), mencabar kontrak sosial seperti termaktub dalam perlembagaan dan diperseetujui oleh tiga kaum terbesar ketika negara mencapai kemerdekaan dulu.

Walaupun jumlah kakitangan kerajaan negeri di Selangor dan Pulau Pinang yang terbabit dengan larangan itu amat kecil kerana majoriti pegawai awam di kedua-dua negeri itu berkhidmat dengan jabatan Persekutuan, ia memberi kesan besar dari segi anggapan umum terutama di kalangan generasi muda terhadap BTN itu sendiri.

Malah dakwaan pembangkang itu seolah-olah mempunyai asasnya apabila Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz kemudiannya dilaporkan berkata kerajaan akan merombak modul kursus BTN supaya selaras dengan gagasan Malaysia. Memang BTN mula memperkemas modul kursus dan programnya untuk tujuan itu sejak April lalu tetapi kenyataan Nazri memberi gambaran bahawa kerajaan berbuat demikian kerana 'pengharaman' kursus BTN di Selangor dan Pulau Pinang.

Benarkah program BTN menanam semangat perkauman seperti dakwa-

an parti pembangkang itu? Kalau benar, kenapa baru sekarang ia ditimbulkan selepas lebih 30 tahun agensi itu ditubuhkan. Atau apakah isu ini sengaja ditimbulkan bagi memberi imej buruk kepada BTN kerana modul dan program kursusnya yang selama ini berjaya melahirkan kakitangan awam yang patriotik, berintegriti dan tidak mudah tunduk kepada tekanan politik berbau perkauman tanpa mengira ia dari parti memerintah atau pembangkang?

Seperti diperjelaskan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab ke atas BTN, Datuk Ahmad Mazlan, biro itu memberi penekanan kepada isu yang relevan dengan keadaan dan dasar semasa negara seperti Wawasan 2020, modal insan dan terbaru konsep Malaysia. Modul kursus Malaysia misalnya memberi tumpuan kepada perpaduan serta lapan nilai asas - budaya kecemerlangan, pemuliharaan, kemanusiaan, penerimaan, kesetiaan, meritokrasi, pendidikan dan integriti.

Dari segi pendidikan politik pula, kursus BTN menyiapkan minda pegawai awam mengenai konsep perkongsian kuasa di negara ini di mana tidak mungkin mana-mana kaum dapat membentuk kerajaan tanpa bekerjasama dengan kaum lain. Modul kursus juga memberi kefahaman mengenai Perlembagaan Persekutuan, kontrak sosial, Islam sebagai agama rasmi dan hak keistimewaan orang Melayu.

Peserta kursus misalnya, diberitahu kenapa hanya Islam mempunyai jabatan khusus seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan bukannya agensi yang memayungi semua agama seperti di Indonesia. Jawapannya ialah kerana Islam adalah agama rasmi negara tetapi kedudukan itu tidak menghalang penganut agama lain melaksanakan kegiatan agama masing-masing.

Barangkali bab mengenai kedudukan Islam dan hak orang Melayu inilah yang disalahtafsirkan atau sengaja diselewengkan oleh pembangkang sebagai perkauman. Bagaimanapun, soal mengenai Ketua Negara mesti terdiri daripada Raja-Raja Melayu, Islam sebagai agama rasmi, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan hak istimewa Bumiputera di negara ini jelas termaktub dalam perlembagaan.

Kerana itu, peserta kursus yang terdiri daripada pegawai awam dan pelajar institut pengajian tinggi termasuk bukan Melayu perlu diberi kefahaman jelas mengenainya, apa lagi generasi baru yang mungkin tidak begitu faham dengan sejarah negara ini.

Bagaimanapun, umum mengetahui bahawa DAP, dalam sejarah penubuhannya tidak pernah menyokong ketuanan Melayu. Malah, bukanlah mustahil jika parti yang memperjuangkan konsep 'Malaysian Malaysia' itu akan meminda perlembagaan bagi menghapuskan perkara yang membabitkan ketuanan Melayu

dan mungkin juga Islam jika ia ditakdirkan memerintah negara ini.

Tetapi DAP juga tahu mustahil ia mampu melakukan itu sebagaimana mustahil ia dapat memerintah negara ini tanpa kerjasama parti Melayu dan India. Namun, itu tidak menghalang DAP daripada menimbulkan isu-isu ini dari semasa ke semasa. Kali ini, DAP cuba mengelirukan rakyat dengan mengambil kesempatan daripada konsep Malaysia sehingga mencabar kerajaan supaya bukan saja membubarkan BTN malah berhenti menggunakan ungkapan ketuanan Melayu.

Hakikatnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sejak awal lagi menegaskan konsep Malaysia berbeza dengan 'Malaysian Malaysia' dan tidak terkeluar daripada semangat perlembagaan sekarang. Justeru, serangan DAP terhadap BTN, yang segera disambut oleh kerajaan PKR Selangor dan kerajaan DAP Pulau Pinang, hanyalah cubaan terbaru parti itu untuk menguji sejauh mana perjuangannya selama ini diterima oleh rakan-rakan bukan Melayu dalam pakatan pembangkang.

Setakat ini hanya PKR yang nampaknya beriya-ya menentang BTN, manakala kerajaan Pas di Kelantan dan Kedah dilihat masih berdiam diri berhubung tindakan Selangor dan Pulau Pinang itu. Pendirian Pas mengenai perkara ini penting kerana yang diserang oleh DAP sekarang bukannya BTN tetapi kontrak sosial yang sekian lama kita pertahankan.

“Apakah isu ini sengaja ditimbulkan bagi memberi imej buruk kepada BTN kerana modul dan program kursusnya yang selama ini berjaya melahirkan kakitangan awam yang patriotik, berintegriti dan tidak mudah tunduk kepada tekanan politik berbau perkauman tanpa mengira ia dari parti memerintah atau pembangkang?”

“Barangkali bab mengenai kedudukan Islam dan hak orang Melayu inilah yang disalahtafsirkan atau sengaja diselewengkan oleh pembangkang sebagai perkauman”